

# MEMBETULKAN KEKELIRUAN...

## Muqaddimah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، له النعمة وله الفضل وله الثناء الحسن، والصلاة والسلام الأتمّان الأكملان، على سيّدنا وحبیبنا محمد أشرف المرسلین، وعلى آله وأصحابه الطيّبين الطاهرين، أما بعد،

Beberapa *ikhwan* telah menghubungi *Al-Faqir* meminta pandangan terhadap artikel tulisan seorang penulis dalam akhbar **Harian Metro**, edisi **hari Jumaat, 17 Ogos 2012** dalam ruangan **Minda** dengan tajuk "**Menyambut 1 Syawal: Elak tindakan tak ikut syariat**". *Al-Faqir* tidak terus menyatakan pendirian kerana belum membacanya dan sama sekali tidak berminat untuk menulis komen terhadap tulisan orang lain. Namun, setelah membaca keseluruhan tulisan tersebut, *Al-Faqir* merasa suatu kewajipan untuk menulis sebagai **suatu pencerahan** kerana artikel tersebut **benar-benar mengelirukan ummat**.

Barang kali tulisan secara cepat dan ringkas ini hanyalah jawapan permulaan kerana beberapa sahabat *Al-Faqir* akan menjawabnya juga dalam penulisan mereka akan datang. Mohon kepada para *Alim Ulama'* untuk membetulkan mana-mana kesilapan jika terdapat di dalam tulisan *mutawadhi'* ini. *Nafa'anallahu bikum wa bi'ulumikum fid darain, Amin....*

الفقير إلى عفو الله القدير

Muhadir bin Haji Joll as-Sanariy  
Universiti Islam Antarabangsa,  
Petaling Jaya, Selangor  
12.00 am, 1 Syawal 1433H/ 19 Ogos 2012M.

000000

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*Aquulu wa bilLaahit tawfiiq:*

## Niat?

Apakah tujuan sebenar niat penulis membawa isu sebegini dalam penulisannya sedangkan apa yang ditimbulkan adalah **bersifat khilafiyah** dan ia **telah dijawab oleh para ulama' seawal timbulnya mazhab?** Jika niatnya untuk membetulkan masyarakat, semoga niat baiknya diganjar Allah ﷻ. Namun hendaklah ditafshil (diteliti), **apakah benar yang hendak dibetulkan itu salah** atau dalam erti kata lain menyalahi *syara'*?

## Beberapa persoalan

Melalui tulisannya, beberapa isu atau perkara yang dianggap salah atau menyalahi *syara'* mengikut pandangan beliau, dapat disimpulkan seperti berikut:

- 1- Menziarahi kubur pada 1 Syawal bukan *sunnah* Nabi ﷺ.
- 2- Menziarahi kubur membawa kesedihan sedangkan kita disuruh untuk bergembira pada Hari Raya.
- 3- Menziarahi kubur pada Hari Raya seolah-olah mengikut perbuatan Kristian dalam menyambut hari Natal dan amalan masyarakat Hindu apabila tiba Deepavali.
- 4- Duduk di atas kubur.
- 5- Membawa makanan di tanah perkuburan untuk dijamu sanak saudara.
- 6- Membaca Al-Qur'an hendaklah di rumah bukan di kubur.
- 7- Membaca Al-Qur'an dan surah di kubur.
- 8- Apakah sampai pahala bacaan Al-Qur'an kepada si mati?
- 9- Amalan bermaaf-maafan pada 1 Syawal boleh mendatangkan kesedihan.

## Jawapan dan pencerahan

### 1- Menziarahi kubur pada 1 Syawal bukan *sunnah* Nabi ﷺ

**Beliau menulis:**

*"... Apakah perbuatan ini satu sunnah daripada Nabi? Apakah pernah Nabi melakukan ziarah kubur pada 1 Syawal seperti amalan masyarakat kita? Adalah menjadi sunnah dan amalan Nabi menziarahi kubur tetapi menziarahi kubur pada 1 Syawal tidak pernah satu pun riwayat yang menunjukkan Nabi melakukannya. Mungkin ada yang bertanya apakah jika Nabi tidak menziarahi kubur pada 1 Syawal apakah kita juga tidak boleh melakukannya?"*

**Komen:**

### Maksud *sunnah*

Terlebih dahulu, hendaklah difahami apa maksud '*sunnah*'. *Sunnah* ialah: "**Segala sesuatu yang disandarkan kepada Nabi ﷺ sama ada perkataan, perbuatan atau taqirir Baginda ﷺ.**"

Segera difahami dari definisi ini ialah *sunnah* bukan sahaja apa yang Nabi ﷺ buat, tapi juga apa yang diucapkan dan ditaqirirkan oleh Baginda ﷺ. Berkenaan dengan apa yang diucapkan, bukankah Baginda ﷺ pernah bersabda :

كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا.

“Aku dahulu pernah melarang kamu daripada menziarahi kubur, maka ziarahilah kamu akan dia.”  
(Riwayat Muslim)

Ini adalah ucapan Nabi ﷺ dan **ucapan Nabi ﷺ juga adalah sunnah**. *Fata’ammalu...*

Oleh itu, para *fuqaha’* menyatakan bahawa **menziarahi kubur hukumnya sunat dengan ijma’**. (Lihat *Beberapa Mutiara Yang Bagus Lagi Indah*, Syaikh Abdul Qadir al-Mandili, ms. 51)

*Hujjah al-Islam*, **Imam Al-Ghazzali** (505H) menyebutkan di dalam *Ihya’*, 4/521: “Ziarah kubur secara keseluruhannya adalah sunat untuk tujuan **ingat memperingati dan mengambil pelajaran**. Dan menziarahi kubur orang-orang yang soleh adalah sunat untuk mengambil berkat (*tabarruk*), juga mengambil pengajaran daripadanya.” (Lihat juga *Faidh al-Qadir*, 1/55)

### **Menziarahi kubur pada 1 Syawal?**

**Perintah dan keizinan menziarahi kubur** daripada insan yang paling mengerti hukum hakam *syara’* ini adalah **umum, pada bila-bila masa sahaja termasuk pada 1 Syawal**.

Benar Nabi ﷺ tidak pernah mengkhususkan menziarahi kubur pada 1 Syawal, tetapi **Nabi ﷺ juga tidak pernah melarang menziarahinya pada hari tersebut**.

Kubur muslimin sunat diziarahi pada bila-bila masa, sama ada pada hari raya atau luar dari hari raya.

Hakikatnya, **orang menziarahi kubur bukan hanya pada hari raya (pertama)** tersebut, bahkan juga **hari kedua, ketiga dan seterusnya, mengikut kelapangan masa masing-masing**.

**Hari raya pertama** dipilih kerana **dikesempatan kaum keluarga dan sanak saudara berkumpul, alangkah baiknya sama-sama menziarahi kubur** orang tersayang dan menghadiahkan pahala kepada mereka sebagai tanda ingatan dan membantu mereka yang memerlukan kiriman pahala di alam *barzakh* sana. Sesuatu amalan yang dibuat secara berjemaah atau bersama-sama, lebih mendatangkan semangat dan penghayatan. Inilah juga kesempatan terbaik bagi anak-anak yang belajar atau bekerja di luar negara atau yang tinggal jauh umpamanya, yang hanya balik ke kampung setahun atau beberapa tahun sekali, untuk menziarahi kubur ayah ibu dan sanak saudara mereka yang lama ditinggalkan.

Dari sudut yang lain, **secara pasti, tidak ada satu dalilpun yang mengharamkan mengkhususkan menziarahi kubur pada hari-hari tertentu termasuk 1 Syawal**, asalkan tidak menyandarkannya kepada *syara’*.

Oleh kerana tidak ada perintah atau larangan secara khusus untuk menziarahi kubur pada hari raya, secara hukumnya ia dibolehkan.

Amalan menziarahi kubur keluarga atau sanak saudara pada pagi 1 Syawal Hari Raya sudah menjadi amalan dalam kehidupan masyarakat Islam di Malaysia dan dunia Islam lain umumnya sejak dahulu lagi. **Adalah sangat mustahil, jika perkara ini menyalahi syara', lalu ia dibiarkan begitu sahaja tanpa ada teguran oleh para alim ulama'. Fata'ammalu...**

### **Nabi ﷺ tidak melakukannya?**

Mengatakan apa-apa yang tidak dilakukan Nabi ﷺ atau yang ditinggalkan Baginda ﷺ, lalu mengatakan tidak boleh melakukannya dengan alasan ia *Bid'ah Dhalalah* adalah pendapat yang **menyempitkan roh syariat Islam** yang bersifat menyeluruh (*syumul*) dan tetap serta fleksible (*thabat wa murunah*).

Para *fuqaha' Ushul Fiqh* menyebutkan **At-Tark** ialah **apa-apa yang tidak dilakukan Nabi ﷺ atau yang ditinggalkan Baginda ﷺ**.

Ia termasuk dalam kaedah:

الَّتَرْكُ لَا يَنْتَجُ حُكْمًا (*At-Tark tidak menatijahkan hukum*) dan juga kaedah :

الَّتَرْكُ لَا يَفْتَضِي تَحْرِيمَهُ (*At-Tark tidak semestinya menunjukkan keharamannya*)

Kaedah-kaedah ini bermaksud: **Sesuatu amalan yang tidak dilakukan oleh Nabi ﷺ, tidaklah semestinya haram/ tidak boleh dilakukan**. Jika tidak terdapat *nas yang* menunjukkan haram atau halalnya sesuatu perkara, hukumnya adalah harus/ bukan haram atau bukan *Bid'ah Dhalalah*.

Ia hanya haram/ tidak boleh dilakukan jika:

- 1- ada ancaman berupa seksaan jika melakukan amalan itu
- 2- amalan itu dikecam oleh *syara'*
- 3- hukuman disediakan jika amalan itu dilakukan, dan
- 4- ada lafaz yang mengharamkan perkara atau amalan itu.

(Lihat *Husn at-Tafahum wa ad-Dark li Mas'alah at-Tark*, As-Sayyid Abdullah bin Shiddiq al-Ghumhari dalam *Al-Bayan lima Yashghal al-Azhan*, ms. 210)

Hendaklah difahami bahawa **apa yang ditinggalkan atau yang tidak dibuat oleh Rasulullah ﷺ, bukanlah semestinya bererti perkara itu haram, tetapi ia hanyalah menunjukkan perkara itu bukan wajib, atau ia boleh ditinggalkan**. Sebab itulah dikatakan:

إِنَّ التَّرْكَ لَا يَفْتَضِي تَحْرِيمًا وَإِنَّمَا يَفْتَضِي جَوَازَ الْمُتْرُوكِ

"*Sesungguhnya At-Tark bukanlah bermaksud ia haram, akan tetapi ia bermaksud harus/ boleh ditinggalkan.*"

## **2- Menziarahi kubur membawa kesedihan sedangkan kita disuruh untuk bergembira pada Hari Raya.**

Beliau menulis:

"*Andai kita menziarahi kubur pada hari raya apakah akan timbul perasaan gembira? Pasti yang timbul adalah perasaan sedih dan kepiluan dalam mengenang waris yang telah meninggal dunia. Apakah*

*dengan timbulnya perasaan sedih ini dianggap menepati apa yang Nabi tunjukkan? Sedangkan Nabi menyuruh kita agar meraikan hari raya ini dengan kegembiraan, bahkan kegembiraan yang kita dapati pada hari raya ini pula mendapat pahala di sisi agama.”*

**Komen:**

Jika bersedih sekejap di kubur kerana mengenangkan orang tersayang yang sudah meninggal dunia, ia adalah **suatu yang lumrah** dan ia dibolehkan, asalkan tidak keterlaluan sehingga meraung-raung kesedihan, mengoyak-ngoyak baju dan menyalahkan *taqdir*. **Rasulullah ﷺ sendiri bersedih ketika meninggalnya anak Baginda ﷺ, Sayyiduna Ibrahim. Para sahabat juga bersedih ketika kewafatan Baginda ﷺ.**

Hakikatnya, **orang akan lebih bersedih dan terkilan jika tidak berkesempatan menziarahi kubur orang yang tersayang pada hari raya** dan sebaliknya bergembira jika berkesempatan menziarahinya kerana menolongnya dengan bacaan Al-Qur’an, berdoa dan bersedekah untuknya ketika menziarahinya di kubur.

**3- Menziarahi kubur pada hari perayaan seolah-oleh mengikut perbuatan Kristian dalam menyambut hari Natal dan amalan masyarakat Hindu apabila tiba Deepavali.**

**Beliau menulis:**

*“Bahkan menziarahi kubur pada hari perayaan ini lebih kepada perbuatan Kristian dalam menyambut hari Natal dan juga amalan masyarakat Hindu apabila tiba Deepavali. Dikhuatiri kita menyerupai amalan sesuatu agama. Maka berhati-hatilah kita dalam beragama.”*

**Komen:**

Di dalam *Qaedah Ushul*, perbandingan sebegini disebut:

الْقِيَاسُ مَعَ الْفَارِقِ

*“Qiyas bersama sesuatu yang tidak sama.”*

Ini kerana **apa yang dibuat oleh orang Kristian dan Hindu tersebut tidak ada asas, jelas sesat dan ada unsur haram, syubhat dan syirik**, sedangkan **menziarahi kubur yang dilakukan oleh orang Islam mempunyai asas yang jelas dari nas sama ada secara langsung atau di bawah keumuman dalil dan termasuk di dalam *Qawa'id Fiqhiyyah* (Kaedah-kaedah Feqah).**

**4- Duduk di atas kubur.**

**Beliau menulis:**

*“Bahkan di kuburan tersebut kita tidak menjaga adab-adab berada di tanah perkuburan dengan duduk-duduk di atas tanah kuburan tersebut...”*

**Komen:**

Kita bersetuju dengan tulisan beliau tentang duduk di atas kubur tersebut. Larangan duduk di atas kubur datangnya daripada beberapa hadith. *Jumhur* ulama' mengatakan tentang keharamannya. (Lihat *Al-Minhaj*, Imam Nawawi, 7/41, *Nail al-Awthor*, Asy-Syaukani, 4/136, *Subul as-Salam*, Imam ash-Shan'ani, 3/573-574, *Tuhfah al-Ahwazi*, Al-Mubarakfuri, 4/153 dan lain-lain).

Hendaklah ditafshilkan bahawa **apa yang dilarang ialah duduk di atas kubur, bukan duduk di tepi kubur** umpamanya duduk di atas tikar atau di atas kerusi di tepi kubur.

## 5- Membawa makanan di tanah perkuburan untuk dijamu sanak saudara.

**Beliau menulis:**

*"Ada juga sebahagian umat Islam yang membawa makanan di tanah perkuburan untuk dijamu bersama sanak-saudara seolah-olah ingin merayakan hari raya di situ."*

Secara ikhlas, sehingga usia sebegini (hampir 40 an), *Al-Faqir* belum menjumpai lagi perbuatan ini dilakukan oleh orang-orang Islam yang menziarahi kubur. Apa yang *Al-Faqir* lihat ialah mereka bersedekah duit atau surah Yasin kepada kanak-kanak atau penziarah kubur yang lain dengan niat pahala sedekah itu sampai kepada si mati yang diniatkan kepadanya amalan itu.

Jika benar ada perbuatan membawa makanan ini di tanah perkuburan lalu di makan bersama-sama sanak saudara, mungkin ia hanya dilakukan oleh orang yang tidak mengerti hukum dan perbuatan itu tidak sepatutnya dilakukan. **Namun mengatakan ia dilakukan oleh ramai orang adalah suatu dakwaan yang kurang teliti.**

## 6- Membaca Al-Qur'an hendaklah di rumah bukan di kubur.

**Beliau menulis:**

*"Sedangkan perbuatan ini telah menyanggah hadis Nabi yang memberi amaran kepada kita dengan sabdanya: "Janganlah kalian menjadikan rumah kalian seperti kuburan." (Hadis Muttafaq 'alaih) Hadis Nabi ini memberi maksud kepada kita melalui perbincangan para ulama bahawa al-Quran itu hendaklah dibaca di rumah-rumah kita kerana rumah yang tidak dibacakan al-Quran seperti kubur, di mana kefahaman sebaliknya dapat kita fahami dari hadis ini, kubur bukanlah tempat kita membaca al-Quran di dalamnya."*

**Komen:**

Allah ﷻ berfirman:

وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ

*"Dan kerjakanlah amal-amal kebajikan." (Surah Al-Hajj: 77)*

Ayat ini adalah umum untuk semua amal kebajikan dan membaca Al-Qur'an tidak kira di mana sahaja (asalkan bukan di tempat yang kotor dan hina) adalah termasuk di dalam amal-amal kebajikan.

**Tidak pernah ada Ahli al-Ilm yang mengatakan membaca Al-Qur'an hanya di rumah dan tidak membolehkan ia dibaca di kubur.** Terlalu banyak dalil tentang fadhilat membaca Al-Qur'an secara umum, di mana-mana sahaja.

## 7- Membaca Al-Qur'an dan surah di kubur.

Beliau menulis:

*“Tidak cukup dengan itu, dapat dilihat di antara kebiasaan kaum muslimin yang berada di tanah perkuburan ini mereka membaca al-Quran dan beberapa surah dengan harapan mudah-mudahan bacaan tersebut dapat memberikan bekal kepada si mati di kalangan ahli waris mereka yang telah meninggal dunia.”*

Komen:

Ahl al-Haq (Ahlus Sunnah wal Jama'ah) telah ijma' (sepakat) dalam membolehkan membaca Al-Qur'an untuk mayat dan bacaan itu bermanfaat bagi si mayat dan pembacanya. **Mereka juga sepakat (ijma') bahwa membaca Al-Qur'an di atas kubur sangat dianjurkan.**

Allah ﷻ berfirman:

وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ

*“Dan kerjakanlah amal-amal kebajikan.”* (Surah Al-Hajj: 77)

Ayat ini adalah umum untuk semua amal kebajikan dan membaca Al-Qur'an tidak kira di mana sahaja (asalkan bukan di tempat yang kotor dan hina) adalah termasuk di dalam amal-amal kebajikan.

Disebutkan di dalam hadith:

اقْرءوا عَلَى مَوْتَاكُمْ يَس

*“Bacalah untuk mayat-mayat kamu Surah Yasin.”* (Riwayat Ibn Hibban dan dishahihkannya)

**Imam Asy-Syaukani** dalam *Az-Zakhirah ath-Thaminah*, ms. 43 berkata: *“Hadith ini darjatnya Hasan. Tidak ada beza bacaan Yasin dari jemaah yang hadir di sisi orang mati atau di atas kuburnya dengan membaca seluruh ayat Al-Qur'an atau sebahagiannya bagi orang mati, di masjid atau di rumah.”* (Lihat juga *Umat Bertanya Ulama' Menjawab*, K.H. Drs. Ahmad Dimiyathi Badruzzaman, ms. 94-95 dan *Risalah Tabyin ad-Dala'il fi Takhlich al-Masa'il*, ms. 27-30)

**Imam Ad-Darquthni** meriwayatkan daripada Ali daripada Nabi ﷺ bersabda:

مَنْ مَرَّ عَلَى الْمَقَابِرِ فَقَرَأَ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ إِحْدَى عَشْرَةَ مَرَّةً ثُمَّ وَهَبَ أَجْرَهَا لِلْأَمْوَاتِ أُعْطِيَ مِنْ الْأَجْرِ بِعَدَدِ الْأَمْوَاتِ

*“Sesiapa yang melalui kawasan perkuburan, lalu membaca Qul Huwallahu Ahad sebanyak 11 kali, kemudian menghadiahkan pahalanya kepada orang-orang yang telah meninggal dunia, dia akan dikurniakan ganjaran mengikut bilangan orang-orang yang telah meninggal dunia tersebut.”*

**Imam Syafi'e** berkata:

لَوْ قَرَعُوا عِنْدَ قَبْرِهِ شَيْئًا مِنَ الْقُرْآنِ كَانَ حَسَنًا، وَلَوْ قَرَعُوا الْقُرْآنَ كُلَّهُ كَانَ أَحْسَنَ

*“Sekiranya mereka membaca beberapa ayat Al-Qur'an di atas perkuburan mayat Muslim, ia adalah sesuatu yang baik. Sekiranya mereka membaca keseluruhan Al-Qur'an, ia adalah lebih baik.”* (dinaqalkan oleh Imam Nawawi dalam *Riyadh ash-Shalihin*. Lihat juga di dalam *Al-Azkar*, Imam Nawawi, ms. 147)

Disebutkan di dalam *Fath al-Mu'in* pada *Hamisy I'annah ath-Tholibin*, 3/221:

وَقَدْ نَصَّ الشَّافِعِيُّ وَالْأَصْحَابُ عَلَى نَدْبِ الْقِرَاءَةِ مَا تَيْسَّرَ عِنْدَ الْمَيِّتِ وَالِدُعَاءِ عُقْبَهَا أَيُّ لَأَنَّهُ حِينَئِذٍ أُرْجَى لِلِإِجَابَةِ  
وَلَأَنَّ الْمَيِّتَ تَنَالَهُ بَرَكَاتُ الْقِرَاءَةِ كَالْحَيِّ الْحَاضِرِ

“Dan sesungguhnya telah dinaskan oleh Imam Syafi'e dan Ashhabnya atas sunatnya membaca apa-apa yang mudah di sisi mayat dan berdoa selepasnya. Ertinya, kerana bahawasanya ketika itu adalah lebih diharapkan untuk diterima (Allah ﷻ) dan kerana mayat mendapat barakah bacaan seperti orang hidup yang hadir.”

**Al-Hafizh As-Suyuthi** di dalam *Syarh ash-Shudur* menyebutkan: “Al-Baihaqi telah meriwayatkan di dalam *Sy'ab* dan *Ath-Thobrani* dari Ibn Umar dari Nabi ﷺ mafhumnya: “Apabila salah seorang daripada kamu meninggal dunia, maka janganlah kamu menahannya dengan lama. Bersegeralah mengebumikannya dan bacakan *Fatihatul Kitab* (Surah Al-Fatihah) dekat kepalanya.” Dan menurut lafaz yang diriwayatkan Al-Baihaqi: “Bacalah permulaan Surah Al-Baqarah dekat kepalanya dan akhir Surah Al-Baqarah dekat kakinya, dikuburnya.”

**Al-Muhaddith Sayyid Muhammad bin Alwi al-Maliki** mengatakan: “Para sahabat telah mengamalkan *hadith* ini.” (Lihat *Tahqiq al-Amal fi ma Yanfa'u al-Mayat min al-Amal*, Al-Muhaddith as-Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki, ms. 58-60)

**Imam Al-Baihaqi** menyebutkan di dalam kitab *Ma'rifah as-Sunan*, 4/191: “**Imam Syafi'e** berkata: “Dan aku suka jika dibacakan Al-Qur'an di sisi kubur dan didoakan terhadap mayat.”

**Imam Al-Hassan bin as-Sobah az-Za'farani** bertanya kepada **Imam Asy-Syafi'e**: “Bagaimanakah hukum membaca Al-Qur'an di kubur? Imam Syafi'e menjawab: *Laa ba'sa bih* (tiada mengapa/ tiada apa-apa larangan akan hal itu).” (Lihat *Tahqiq al-Amal fi ma Yanfa'u al-Mayat min al-Amal*, ms. 58-60)

Di dalam kitab *Al-Azkar*, 5/311, di bawah tajuk “Apa yang perlu dibaca selepas pengebumian?, Imam Nawawi menyebutkan: “**Imam Syafi'e dan para sahabat (ulama' Syafi'iyah)** mengatakan: “Disunatkan membaca di sisi kubur sesuatu daripada ayat Al-Qur'an. Mereka mengatakan: Jika mereka mengkhatamkan Al-Qur'an kesemuanya maka itu adalah (sesuatu yang) baik.”

**Syaikh Khatib Syarbini** mengatakan: “Dan hendaklah orang yang menziarahi kubur itu membaca apa yang mudah daripada Al-Qur'an di sisi penghuni kubur. Sesungguhnya rahmat itu turun pada tempat dibacakan Al-Qur'an. Dan mayat itu seperti orang yang hadir yang mengharap rahmat. Dan hendaklah orang yang menziarahi berdoa selepas membaca Al-Qur'an kerana doa itu memberi manfaat kepada mayat. Dan doa selepas membaca Al-Qur'an lebih cepat untuk diperkenankan...” (Lihat *Al-Iqna' fi Hall al-Alfahz Abi Syuja'*, ms. 208)

Perkara yang disebut oleh **Dr Musthafa Khin**, **Dr Musthofa al-Bugha** dan **Ali Syarbaji** di dalam kitab *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam Asy-Syafi'e*.

**Syaikh Ali Jum'ah** di dalam fatwanya mengatakan:

“**Sepakat ulama' dan ijma' ulama' Islam bahawa membaca Al-Qur'an di atas kubur tidak haram dan tidak pula berdosa pembuatnya. Jumah ulama' Hanafiyyah, Syafi'iyah dan Hanabilah membolehkannya.** Mereka berdalilkan *hadith*:



مَنْ دَخَلَ الْمَقَابِرَ فَقَرَأَ فِيهَا يَسَ خُفِّفَ عَنْهُمْ يَوْمَئِذٍ، وَكَانَ لَهُ بِعَدَدِهِمْ حَسَنَاتٌ

“Sesiapa yang menziarahi perkuburan lalu membaca di situ (Yasin), diringankan azab ke atas mayat-mayat pada hari itu dan pembacanya akan diberikan kebaikan sebanyak orang yang meninggal dunia.” Ditakhrijkan oleh pengarang **Al-Khilal** dengan sanadnya. Ibn Qudamah juga menyebutkannya di dalam **Al-Mughni**, 2/225 dan pengarang **Tuhfah al-Ahwazi**, 3/275

Telah shahih bahawa Ibn Umar telah mewasiatkan apabila beliau dikebumikan, agar dibacakan di sisinya awal Surah Al-Baqarah dan akhirnya.

### Membaca Al-Qur'an di kubur ini *bid'ah*?

Mungkin juga orang yang mengatakan membaca Al-Qur'an di kubur ini *bid'ah* berdasarkan kepada satu riwayat Al-Khallal yang panjang. Ia hendaklah sepatutnya difahami sebaik-baiknya sehingga ke akhir riwayat.

“.....Al-Khallal berkata: Aku mendapat khabar dari Al-Hassan bin Ahmad al-Warraaq dari Ali bin Musa al-Haddad, beliau adalah seorang yang benar, dia berkata: Aku bersama Ahmad bin Hanbal dan Muhammad Qudamah al-Jauhari mengunjungi satu jenazah. Setelah jenazah itu dikebumikan, seorang lelaki buta duduk membaca Al-Qur'an di sisi kubur. Imam Ahmad mendekati lelaki itu dan berkata: Wahai kamu! Membaca Al-Qur'an di sisi kubur adalah *bid'ah*. Setelah kami keluar, Muhammad bin Qudamah bertanya kepada Ahmad bin Hanbal: Wahai Abu Abdullah, apa pendapatmu tentang Mubasysyir al-Halabi? Maka Imam Ahmad bin Hanbal menjawab: Dia seorang yang *thiqah*. Beliau (Imam Ahmad) bertanya: Apakah kamu meriwayatkan sesuatu daripadanya? Ya! Jawab Ibn Qudamah. Dia pun melanjutkan penjelasannya: Aku mendapat berita dari Mubasysyir dari Abd ar-Rahman bin al-'Ala bin al-Jallaj dari ayahnya, dia berwasiat jika nanti jenazahnya dikuburkan, hendaklah dibacakan permulaan dan akhir Surah Al-Baqarah di sisi kepalanya. Ayahnya berkata bahawasanya wasiat beliau itu beliau dengar dari sahabat Abdullah bin Umar. Sebaik sahaja mendengar riwayat itu, Imam Ahmad ibn Hanbal menyuruh agar kembali semula ke kubur dan memerintahkan agar lelaki buta tersebut meneruskan bacaan Al-Qur'annya.” (Riwayat ini disebut di dalam kitab **Tahqiq al-Amal fi ma Yanfa'u al-Mayat min al-'Amal**, ms. 58 – 60)

**Syaikh Dr. Wahbah az-Zuhaili** menyebutkan bahawa sebahagian ulama' mengatakan sunat ketika menziarahi kubur itu membaca surah Al-Fatihah, ayat Al-Kursi, surah Yaasin, At-Takathur dan Al-Ikhlash. (Lihat **Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh**, 2/540)

Perintah membaca Al-Qur'an jika diteliti tidak ada pada waktu yang khusus dan di tempat yang khusus. Sesiapa sahaja yang membacanya akan diberi ganjaran pahala. Membaca Al-Qur'an di kubur bukanlah perkara maksiat. Di samping pahala bacaannya boleh membantu mayat, perbuatan baik ini akan menyebabkan orang yang membacanya mendapat pahala dari Allah ﷻ.

**Al-Fadhil Ustaz Haji Zamihan bin Haji Mat Zain al-Ghari** telah mengupas tajuk ini dengan sangat baik dan ilmiah di dalam penulisan beliau yang menjelaskan tentang bagusya membaca Al-Qur'an di kubur dan ia bukanlah perkara *bid'ah* (*Dhalalah*). (Lihat tulisan beliau tentang perkara ini di dalam: <http://al-ghari.blogspot.com/>)

## 8- Apakah sampai pahala bacaan Al-Qur'an kepada si mati?

**Beliau menulis:**

*"Tidak cukup dengan itu, dapat dilihat di antara kebiasaan kaum muslimin yang berada di tanah perkuburan ini mereka membaca al-Quran dan beberapa surah dengan harapan mudah-mudahan bacaan tersebut dapat memberikan bekal kepada si mati di kalangan ahli waris mereka yang telah meninggal dunia."*

Dan:

*"... Lebih malang lagi sekiranya kita menyangka perbuatan membaca al-Quran dan dihadihkan pahalanya kepada si mati sebagai sesuatu yang menepati syariat."*

**Komen:**

Dua pernyataan ini adalah *tahakkum* iaitu perkataan yang tidak ada dalil. Sebaliknya para ulama' mu'tabar membolehkannya.

**Imam Al-Qurthubi** mengatakan: *"Sebahagian ulama' kami mengemukakan dalil sampainya bacaan Al-Qur'an kepada si mati dengan hadith berkenaan pelepah tamar yang dibelah dua oleh Nabi ﷺ. Kemudian Baginda ﷺ memacaknya satu di atas kubur orang ini dan satu lagi di atas kubur yang lain. Kemudian Baginda ﷺ bersabda: "Mudah-mudahan ia dapat meringankan mereka berdua selagi kedua-duanya tidak kering."* (Riwayat Asy-Syaikh; Al-Bukhari dan Muslim)

Tentang hadith Rasulullah ﷺ memacak pelepah tamar tersebut, **Al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani** dalam *Fath al-Bari*, 1/332, menyebutkan:

إِنَّ الْمَعْنَى فِيهِ أَنَّهُ يُسَبَّحُ مَا دَامَ رَطْبًا فَيَحْصُلُ التَّخْفِيفُ بِبِرْكَةِ التَّسْبِيحِ. وَعَلَى هَذَا فَيَطْرُدُ فِي كُلِّ مَا فِيهِ رُطُوبَةٌ مِنَ الْأَشْجَارِ وَغَيْرِهَا وَكَذَلِكَ فِيمَا فِيهِ بَرَكَةٌ كَالذِّكْرِ وَتِلَاوَةِ الْقُرْآنِ مِنْ بَابِ الْأُولَى.

*"Sesungguhnya makna padanya, bahawa pelepah itu bertasbih selama mana ia masih basah, maka, dapatlah (mayat) keringanan dengan berkat tasbih pelepah tersebut. Dan atas dasar perkara inilah, maka termasuklah juga kepada apa-apa sahaja yang ada basah termasuk pokok-pokok dan selainnya. Dan seperti itu juga, sesuatu yang ada padanya keberkatan, seperti zikir dan bacaan Al-Qur'an tentu lebih aula (utama)."*

Di dalam kitab *Kasyf al-Ghummah fi Ahwal al-Mauta fi al-Barzakh wa al-Qiyamah*, ms. 47, karangan **Syaikh Daud al-Faththoni** menyebutkan bab khusus tentang perkara ini iaitu:

*"Ini suatu bab pada menyatakan barang yang datang pada membaca Al-Qur'an tatkala di kubur ketika ditanam dan kemudiannya dan bahawasanya sampai ia kepada mayat pahalanya barang yang dibacakan dan didoakan baginya dan meminta ampun baginya dan yang disedekahkan baginya dan barang yang datang dibacakan tatkala dihantarkan di dalam kuburnya dan sunat berhenti pada kubur kemudian daripada tanamnya dan sunat talqin'.*

(Kemudian Syaikh Daud mengatakan:)

“(Kata) Jalal ad-Din as-Sayuthi di dalam **Syarh ash-Shudur**: Bersalah-salahan ulama’ pada sampai pahala membaca Qur’an bagi orang yang mati. Maka Jumhur as-Salaf dan imam yang tiga atas sampai pahalanya bagi mayat dan menyalahi yang demikian itu imam kita Al-Imam Asy-Syafi’e radhiallahu anhu dan mengambil dalil mereka itu atas sampai pahala ayat dengan qiyas daripada sampai pahala doa dan sedekah dan puasa dan haji dan merdeka.

Maka bahawasanya tiada farq (beza) pada dalil naqli akan sampai pahala antara bahawa ada ia daripada haji atau sedekah atau waqaf atau doa atau baca Qur’an dengan beberapa hadith yang lagi akan datang sebutannya dan adalah hadith itu jika ada ia dha’if sekalipun...” (Lihat juga **Furu’ Masa’il**, Syaikh Daud al-Faththoni, 1/6)

Di dalam **Tazkirah al-Qurthubi**, ms. 25 disebutkan:

كَانَ الْإِمَامُ أَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلٍ يَقُولُ: إِذَا دَخَلْتُمُ الْمَقَابِرَ فَاقْرَءُوا فَاتِحَةَ الْكِتَابِ وَالْمُعَوِّذَتَيْنِ وَقُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ وَاجْعَلُوا ثَوَابَ ذَلِكَ لِأَهْلِ الْمَقَابِرِ، فَإِنَّهُ يَصِلُ إِلَيْهِمْ، وَكَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يُنَكِّرُ قَبْلَ ذَلِكَ وَصُولَ الثَّوَابِ مِنَ الْأَحْيَاءِ لِلْمَوْتَى، فَلَمَّا حَدَّثَهُ بَعْضُ الثَّقَاتِ أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَوْصَى إِذَا دُفِنَ أَنْ يُقْرَأَ عِنْدَ رَأْسِهِ فَاتِحَةُ الْكِتَابِ وَخَاتِمَةُ سُورَةِ الْبَقَرَةِ رَجَعَ عَنْ ذَلِكَ، وَكَذَلِكَ بَلَّغْنَا عَنِ الشَّيْخِ عِزِّ الدِّينِ بْنِ عَبْدِ السَّلَامِ رَحِمَهُ اللَّهُ، أَنَّهُ كَانَ يُنَكِّرُ وَصُولَ ثَوَابِ الْمَوْتَى وَيَقُولُ: قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ((وَأَنْ لَيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَى))، فَلَمَّا مَاتَ، رَأَاهُ بَعْضُ أَصْحَابِهِ، فَسَأَلَهُ عَنْ ذَلِكَ فَقَالَ: قَدْ رَجَعْتُ عَمَّا كُنْتُ أَقُولُهُ مِنْ عَدَمِ وَصُولِ الثَّوَابِ إِلَى الْمَوْتَى مِنَ الْقَارِي، حِينَ رَأَيْتُ وَصُولَهُ، وَأَنَا فِي الْقَبْرِ، وَيُؤَيِّدُ ذَلِكَ مَا رَوَاهُ الْحَافِظُ السَّلْفِيُّ مَرْفُوعًا: ((مَنْ مَرَّ عَلَى الْمَقَابِرِ فَقَرَأَ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ إِحْدَى عَشْرَةَ مَرَّةً ثُمَّ وَهَبَ أَجْرَهَا لِلْأَمْوَاتِ أُعْطِيَ مِنْ الْأَجْرِ بَعْدَ الْأَمْوَاتِ)).

“Adalah Imam Ahmad bin Hanbal pernah berkata: Apabila kamu masuk ke perkuburan, maka bacalah Surah Al-Fatihah dan Muawwizatain (Surah Al-Falaq dan An-Nas) dan Qul Huwallahu Ahad, dan jadikanlah pahala bacaan itu hadiah kepada penghuni kubur. Sesungguhnya ia (pahala bacaan itu) sampai kepada mereka. Dan adalah beliau dahulu menolak pendapat sebelum itu akan sampainya pahala dari orang hidup kepada orang mati. Ketika sebahagian orang yang thiqah berkata kepadanya bahawasanya Sayyiduna Umar ibn Al-Khattab, radhiAllahu anh telah mewasiatkan ketika dia (akan) dikebumikan (nanti), agar dibacakan di sisi kepalanya Surah Al-Fatihah dan pengakhiran Surah Al-Baqarah, lalu beliau (Imam Ahmad) maka dia menarik balik pendapatnya. Begitulah juga telah sampai berita kepada kami tentang Syaikh Izz ad-Din bin Abd as-Salam rahimahullah, bahawa beliau pernah menolak pendapat yang mengatakan sampainya pahala kepada orang mati dan beliau berhujah dengan ayat Al-Qur’an yang mafhumnya: “Dan tidaklah bagi manusia itu melainkan apa yang dia telah usahakan.” Tetapi ketika beliau meninggal dunia, sebahagian kawan-kawannya melihat beliau di dalam mimpi mereka, lalu bertanyakannya tentang perkara tersebut lalu beliau menjawab: Aku menarik balik dari apa yang pernah aku katakan tentang tidak sampainya pahala orang yang membaca kepada orang mati ketika aku melihat sampainya (pahala itu) sedangkan aku di dalam kubur. Dan lebih menguatkan pendapat ini oleh apa yang diriwayatkan oleh Al-Hafiz As-Salafi dalam hadith yang Marfu’: Sesiapa yang melalui perkuburan lalu membaca Qul huwallahu Ahad sebelas kali, kemudian menghadiahkan pahala bacaannya kepada orang-orang yang telah meninggal dunia, nescaya akan diberikan kepadanya pahala sebanyak bilangan orang-orang yang telah meninggal dunia itu.”

**Syaikh Dr. Wahbah az-Zuhaili** menyebutkan di dalam kitab *Al-Fiqh al-Islami* ms. 551-551:

*“Dan dengan yang demikian itu adalah mazhab mutakhirin Asy-Syafi’iyah seperti mazhab imam-imam yang tiga iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali atas sampainya pahala bacaan Al-Qur’an kepada mayat. Berkata As-Subki: Dan yang menunjukkan atasnya oleh khabar dengan istinbat bahawasanya sebahagian Al-Qur’an itu apabila diqasad dengannya memberi manfaat akan mayat dan meringankan apa yang ia berada padanya nescaya memberi manfaat akan mayat itu.*

*Dan sesungguhnya telah mengharuskan oleh Qadhi Hussain mengupah atas membaca Al-Qur’an di sisi mayat.*

*Dan telah berkata Imam Ibn Solah: Dan sayugia bahawa berkata oleh yang membaca Qur’an itu : Ya Allah ﷻ! Sampaikanlah pahala apa yang telah kami baca kepada sifulan; Maka menjadikan olehnya akan doa. Dan tiada khilaf pada yang demikian itu sama ada dekat atau jauh dan sepatutnya memutuskan dengan ini.”*

**Syaikh Ibn Taimiyyah** pernah ditanya tentang bacaan Al-Qur’an untuk mayat dan juga tentang tasbih, tahmid, tahlil dan takbir jika dihadiahkan kepada mayat. Sampaikah pahalanya atau tidak? Maka beliau menjawab sebagaimana tersebut dalam kitabnya: *“Sampai kepada mayat pahala bacaan Al-Qur’an dari keluarganya. Dan tasbih, takbir serta seluruh zikir mereka kepada Allah ﷻ apabila mereka menghadiahkan pahalanya kepada mayat akan sampai pula kepadanya.”* (Lihat *Majmu’ Fatawa*, 24/324)

**Ibn Qayyim** (ketika membicarakan panjang lebar tentang sampainya pahala amalan-amalan yang dihadiahkan kepada si mati beserta dalilnya) mengatakan: *“Adapun membaca Al-Qur’an dan menghadiahkan pahalanya kepada si mati secara sukarela tanpa mengambil upah maka ia sampai kepada si mati sebagaimana pahala puasa dan haji...”* (Lihat *Ar-Ruh*, ms. 152-159)

## 9- Amalan bermaaf-maafan pada 1 Syawal boleh mendatangkan kesedihan.

Beliau menulis:

*“Upacara bermaafan Tidak cukup dengan itu kita melakukan upacara bermaaf-maafan sesama ahli keluarga. Bukanlah hal ini tidak baik tetapi ia dilakukan tidak kena pada masanya. Kerana majlis ini tidak lain akan mendatangkan juga kesedihan dan air mata. Adalah sesuatu yang akan menimbulkan kesedihan dan kepiluan dengan majlis bermaaf-maafan ini dan apabila kesedihan yang melanda maka secara automatiknya kegembiraan hari raya yang disyariatkan bergembira ini akan hilang.”*

**Komen:**

Amalan saling bermaafan sesama ahli keluarga, kaum kerabat, sahabat handai dan sesama Islam dikira sebagai amal soleh yang mempunyai fadhilat yang besar dan sangat dianjurkan di dalam Islam. Allah ﷻ berfirman:

﴿ خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ ﴾

*“Jadilah engkau sebagai pemaaf dan suruhlah orang mengerjakan perbuatan baik, serta berpisahlah dari orang-orang yang jahil.”* (Surah Al-A’raf: 199)

Sifat memaafkan orang lain juga termasuk di dalam ciri hamba Allah ﷻ yang bertaqwa seperti mana firmanNya:

﴿ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَنُظْمِ الْغَيْظِ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴾



“(Orang-orang yang bertaqwa adalah) mereka yang menafkahkan (hartanya) baik di waktu lapang maupun sempit dan orang-orang yang menahan amarahnya serta (mudah) memaafkan (kesalahan) orang lain. Allah ﷻ menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan.” (Surah Ali Imran: 134)

Rasulullah ﷺ secara khusus menyatakan besarnya keutamaan dan pahala bagi sifat mudah memaafkan di sisi Allah ﷻ mafhumnya: “Tidaklah Allah ﷻ menambah bagi seorang hamba dengan pemberian maafnya (kepada saudaranya) kecuali kemuliaan (di dunia dan akhirat).” (Riwayat Muslim dan lain-lain)

**Perintah saling bermaafan di antara satu dengan yang lain ini adalah umum, sama ada pada 1 Syawal atau selainnya, pada bila-bila masa.**

Bersedih kerana mengenangkan dosa dan kesalahan yang pernah dilakukan terhadap sesama keluarga, kaum kerabat dan orang lain adalah suatu yang baik asalkan tidak keterlaluan. **Bersedih ketika itu adalah tanda insan mengakui akan kesilapan dan kekurangannya yang tidak sunyi dari melakukan dosa dan kesalahan.**

Mengatakan suasana sebegini akan mendatangkan kesedihan, memang benar, tetapi ia **bukan berpanjangan sehingga boleh mencatitkan kegembiraan di pagi Hari Raya**. Hakikatnya, suasana sedih itu hanya sebentar sahaja ketika bersalam-salaman dan mengucapkan permohonan maaf di antara satu dengan yang lain. Selepas itu, suasana akan berubah menjadi ceria dan kembali bergembira.

**Jika diteliti, tidak ada satu pun dalil yang mengharamkan bermaaf-maafan di pagi Hari Raya.** Kesan positifnya lebih banyak dari sedikit kesedihan yang juga baik. Mungkin terjadi di antara ahli keluarga yang tidak pernah meminta maaf di antara satu dengan yang lain sebelum ini, maka di pagi 1 Syawal inilah mereka saling bermaafan di antara satu dengan yang lain.

## Kefahaman yang kurang tepat

### Pertama:

**Beliau menulis:**

“Tidak cukup dengan itu, dapat dilihat di antara kebiasaan kaum muslimin yang berada di tanah perkuburan ini mereka membaca al-Quran dan beberapa surah dengan harapan mudah-mudahan bacaan tersebut dapat memberikan bekalan kepada si mati di kalangan ahli waris mereka yang telah meninggal dunia.... Sedangkan perbuatan ini telah menyanggah hadis Nabi yang memberi amaran kepada kita dengan sabdanya: “Janganlah kalian menjadikan rumah kalian seperti kuburan.” (Hadis Muttafaq ‘alaih)...

"Hadis Nabi ini memberi maksud kepada kita melalui perbincangan para ulama bahawa al-Quran itu hendaklah dibaca di rumah-rumah kita kerana rumah yang tidak dibacakan al-Quran seperti kubur, di mana kefahaman sebaliknya dapat kita fahami dari hadis ini, kubur bukanlah tempat kita membaca al-Quran di dalamnya."

**Komen:**

Kenyataan beliau: "... di mana kefahaman sebaliknya dapat kita fahami dari hadis ini, kubur bukanlah tempat kita membaca al-Quran di dalamnya.", **tidak pernah dinukilkan oleh mana-mana Ahli al-Ilm.** Sebaliknya membaca Al-Quran boleh di mana-mana asalkan jangan di tempat yang kotor dan hina.

**Kedua:**

**Beliau menulis:**

"Imam Syafie dalam membantah amalan ini beliau menegaskan dengan berkata: "Sesungguhnya pahala bacaan al-Quran dan hadiah pahala tidak sampai kepada si mati kerana bukan dari amal mereka dan bukan usaha mereka. Rasulullah tidak pernah menghukum sunnah umatnya dan tidak pernah mendesak mereka melakukan perkara tersebut dan tidak pula menunjukkan kepadanya walau melalui satu nas atau seruan." (lihat **Tafsir Ibnu Kathir** Jilid ke-4)"

**Komen:**

Memang ada riwayat yang mengatakan bahawa **Imam Syafi'e** berpendapat bahawa hadiah pahala tidak sampai kepada si mati. Tetapi, ia adalah apabila bacaan itu tidak dibaca di hadapan mayat atau tidak didoakan setelah membacanya. **Imam Zakariya al-Anshari** menyatakan:

إِنَّ مَشْهُورَ الْمَذْهَبِ أَيُّ فِي تِلَاوَةِ الْقُرْآنِ مَحْمُولٌ عَلَى مَا إِذَا قَرَأَ لَا بِحَضْرَةِ الْمَيِّتِ وَلَمْ يَنْوِ الثَّوَابَ لَهُ أَوْ نَوَاهُ  
وَلَمْ يَدْعُ.

"Sesungguhnya pendapat masyhur dalam mazhab Syafi'e mengenai bacaan Al-Qur'an (yang pahalanya dikatakan tidak sampai kepada si mati itu) adalah apabila dibaca tidak ketika mayat berada di dalam majlis (di hadapan mayat) dan jika tidak diniatkan hadiah pahala kepadanya atau diniatkan pahala bacaan kepadanya tetapi tidak membaca doa sesudah bacaan Al-Qur'an tersebut." (Lihat **Hukm asy-Syari'ah al-Islamiyyah fi al-Ma'tam al-Arba'in**, ms. 43)

**Imam Syafi'e** sendiri pernah menziarahi makam Imam Laith bin Sa'd kemudian beliau membaca Al-Qur'an seperti yang disebutkan di dalam **Az-Zakhirah ath-Thaminah**, ms. 64:

وَقَدْ تَوَاتَرَ أَنَّ الشَّافِعِيَّ زَارَ اللَّيْثَ بْنَ سَعْدٍ وَأَتَيْ خَيْرًا وَقَرَأَ عِنْدَهُ خَتْمَةً وَقَالَ: أَرْجُو أَنْ تَدُومَ، فَكَانَ الْأَمْرُ  
كَذَلِكَ.

"Dan telah tawatir (masyhur) riwayat bahawa Imam Syafi'e telah menziarahi makam Imam Laith bin Sa'd. Beliau memujinya dan membaca Al-Qur'an di sisi kuburnya dengan sekali khatam. Beliau berkata: Aku mengharap agar ia (iaitu perkara membaca Al-Qur'an seperti di sisi makam Imam Laith) akan

berterusan, maka begitulah (perbuatan membaca Al-Qur'an di sisi makamnya) seperti apa yang dikatakan (didoakan) oleh Imam Syafi'e."

### Nasihat dan pedoman

Perkara yang melibatkan hukum hakam dalam agama hendaklah diserahkan kepada *Ahlinya* yang memiliki *malakah fiqhiyyah*. Adalah sangat sangat bahaya jika ia dibahaskan tanpa ilmu yang *tahqiq* (benar). Para *fuqaha'* yang telah mencapai tahap *malakah fiqhiyyah* ini telah menumpukan *himmah* yang tinggi dan pembacaan yang meluas terutama sekali dalam perkara yang melibatkan hukum. Kerana itulah, mereka sangat berhati-hati dalam perkara agama termasuklah yang melibatkan *masa'il fiqhiyyah furu'iyah*.

Para *masyaikh* selalu mengingatkan:

مَنْ أَكْثَرَ اطَّلَاعَهُ، قَلَّ اعْتِرَاضُهُ

"Sesiapa yang banyak pembacaannya, maka kuranglah i'tiradahnya (bangkangannya)."

### Saranan

Pihak berwajib dan pihak akhbar seharusnya mengambil perhatian dalam mengawal penulisan yang berkaitan dengan agama dan hukum hakam lebih-lebih lagi ia ditulis oleh orang yang dijuluki dengan nama orang agama atau ustaz/ ustazah. Kesalahan yang terhasil dari kumpulan sebegini lebih mendatangkan mudharat yang besar kepada awam. Kaedah menyebutkan:

حَسَنَاتُ الْأَبْرَارِ سَيِّئَاتُ الْمُقْرَبِينَ

"Kebaikan bagi orang kebanyakan adalah suatu keburukan bagi orang yang dekat (dengan agama)."

### Sisipan

Sebahagian besar perbahasan ini telah dijawab di dalam buku *Al-Faqir "Persoalan Khilafiyah & Penjelasan Ulama': Inilah Jawapannya"*<sup>1</sup>, terbitan Mawleed Publishing Sdn. Bhd. Buku setebal 915 muka surat ini telah diberi *taqriz*/ kata-kata aluan oleh 6 orang Mufti dan 2 orang ilmunan Islam. Silalah merujuk kepadanya untuk kupasan lebih lanjut.

والله أعلم وعلمه أتم  
وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم  
والحمد لله رب العالمين

<sup>1</sup> Buku ini boleh didapati di Pustaka Darul Nu'man, Tingkat 1, Wisma Yakin, KL (03-26988495).